



## GARIS PANDUAN GERAN PADANAN UNIVERSITI MALAYA

### 1.0 PENGENALAN

Geran Padanan UM atau UM Matching Grant diperkenalkan pada tahun 2021 selaras dengan usaha UM untuk menyokong penyelidik menjalankan kolaborasi penyelidikan bersama pihak luar **khususnya industri dan antarabangsa seterusnya memperoleh geran penyelidikan daripada agensi swasta/industri dan/atau antarabangsa**. Inisiatif ini diharapkan dapat memberi peluang kepada Penyelidik untuk menjalinkan hubungan kerjasama dengan rakan industri dan antarabangsa.

Geran Padanan UM merupakan insentif kepada penyelidik menggunakan peruntukan UM dan diberikan sebagai geran berasingan sama ada untuk membiayai sebahagian daripada kos projek atau sebagai dana tambahan bagi membiayai keperluan lain yang berkaitan dengan projek. Penyelidik yang telah menerima geran penyelidikan industri/antarabangsa dan berminat untuk memohon Geran Padanan UM hendaklah mengemukakan permohonan kepada Pusat Pengurusan Geran Penyelidikan (PPGP) dengan melengkapkan borang permohonan yang boleh dimuat turun dari laman web UM Research. Pertimbangan dan kelulusan adalah tertakluk kepada pengesyoran oleh ahli panel penilai dan status kewangan UM.

### 2.0 TUJUAN

Untuk menggalakkan penyelidik menjalankan kerjasama penyelidikan antara rakan industri dan/atau antarabangsa seterusnya memperoleh geran penyelidikan luar dari pihak swasta, industri dan/atau antarabangsa kepada UM.

### 3.0 KRITERIA KELAYAKAN

Geran ini adalah terbuka kepada semua penyelidik UM sama ada tetap atau kontrak yang telah berjaya memperoleh geran penyelidikan industri atau antarabangsa dalam bentuk tunai yang disalurkan ke UM mulai 9 Februari 2021.

Peruntukan tersebut mestilah dikreditkan ke dalam akaun bank UM dan didaftarkan ke dalam sistem PPGP (RGMS). Sumbangan/derma/*in-kind* atau geran yang tidak didaftarkan di bawah PPGP tidak layak untuk memohon Geran Padanan UM. Penyelidikan yang merupakan Ujian Klinikal (Clinical Trial) dan projek Perundingan (Consultancy) juga tidak dipertimbangkan untuk memohon geran ini.

Penyelidik yang menerima geran Penyelidikan Kontrak (Contract Research) daripada pihak swasta/industri/antarabangsa boleh memohon Geran Padanan UM berdasarkan

jumlah peruntukan yang berkaitan secara langsung dengan penyelidikan yang dijalankan sahaja (honorarium kepada penyelidik tidak diambil kira). Penyelidik hanya boleh memohon Geran Padanan UM hanya sekali untuk setiap projek yang dibiayai.

#### 4.0 KUANTUM PERUNTUKAN

Jumlah Geran Padanan UM akan ditetapkan berdasarkan kepada nisbah 3:1 antara jumlah keseluruhan peruntukan yang diterima dari pihak swasta/industri/antarabangsa dan UM sehingga jumlah maksimum sebanyak RM50,000 bagi setiap projek. (setiap RM3 yang diterima dari pihak swasta/industri/antarabangsa akan dipadankan dengan RM1 oleh UM dengan jumlah maksimum RM50,000 setiap projek).

Sekiranya peruntukan geran utama disalurkan secara berperingkat (cth: tahunan/berdasarkan kemajuan projek), peruntukan Geran Padanan UM akan disalurkan secara berperingkat/pro-rata berdasarkan jumlah sebenar yang diterima di UM.

#### 5.0 SKOP PEMBIAYAAN

Peruntukan Geran Padanan UM boleh digunakan mengikut kategori berikut untuk perbelanjaan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

VOT	KATEGORI	CATATAN
(V11000)	<b>Upah dan Elaun</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pembantu Penyelidik Sementara atau Kontrak yang terlibat secara langsung dengan projek penyelidikan</li> </ul>	
(V21000)	<b>Perjalanan dan Pengangkutan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Maksimum SEKALI (1) lawatan*/persidangan dalam setahun dibenarkan sepanjang tempoh projek.</li> <li>Hanya Ketua Projek atau Penyelidik Bersama yang kanan (bukan Pelajar atau Pembantu Penyelidik) yang dibenarkan untuk perjalanan luar negara.</li> <li>Perjalanan terhadap kepada Kelas Ekonomi dan melalui laluan perjalanan yang paling pendek.</li> <li>Tiada pindahan peruntukan dari mana-mana kategori dibenarkan.</li> </ul> <p>*Lawatan hanya dibenarkan untuk mesyuarat bersama kolaborator atau lawatan ke Institusi/Agensi Kolaborator</p>	
(V24000)	<b>Sewaan</b> Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.	
(V27000)	<b>Bekalan dan Bahan Penyelidikan</b> Perbelanjaan bagi pembelian bekalan/bahan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja.	

<b>(V28000)</b>	<b>Baik pulih kecil dan Ubahsuai</b> Perbelanjaan bagi ubahsuai dan penyenggaraan kecil peralatan atau yang berkaitan dengan projek sahaja (renovasi makmal/pejabat tidak dibenarkan)	
<b>(V29000)</b>	<b>Perkhidmatan Ikhtisas</b> Meliputi perbelanjaan untuk perkhidmatan ikhtisas/khas (seperti perundingan, bayaran untuk enumerator, penggunaan kemudahan komputer, analisis kimia dan pemprosesan data). Penyelidik perlu mengemukakan TOR untuk Perunding yang dilantik dalam projek. Bayaran untuk Kolaborator Antarabangsa tidak ditanggung dibawah geran Padanan UM.	
<b>(V35000)</b>	<b>Peralatan Kecil</b> Hanya pembelian peralatan dan aksesori khas (termasuk aksesori untuk meningkatkan keupayaan peralatan yang ada) yang berkaitan langsung dengan projek dibenarkan	Kurang daripada RM10,000 bagi satu peralatan dan tidak melebihi 30% daripada jumlah geran.

## 6.0 TEMPOH PROJEK

- Permohonan pelanjutan bagi penggunaan peruntukan geran padanan untuk melengkapkan kerja hendaklah dikemukakan kepada Penolong Naib Canselor (P & I) dengan justifikasi dan maklumat terperinci mengenai aktiviti penyelidikan.

## 7.0 KRITERIA PEMILIHAN PROJEK (Terpakai untuk perluasan aktiviti/skop penyelidikan)

- Perluasan aktiviti/skop kepada projek asal mestilah kukuh, boleh dilaksanakan secara teknikal dengan jangkaan hasil yang dapat dicapai, dan mempunyai potensi ke arah untuk pembangunan seterusnya.
- Kompetensi penyelidik: Pasukan penyelidik mesti mempunyai rekod prestasi yang baik untuk melaksanakan penyelidikan dengan jayanya serta jangkaan hasil penyelidikan yang jelas.

## 8.0 PEMILIKAN DAN PENGGUNAAN PERALATAN R&D

- Semua peralatan R&D yang diperoleh di bawah geran ini akan menjadi milik UM di mana peralatan tersebut bukan untuk penggunaan eksklusif penyelidik sahaja tetapi harus diguna sama dengan penyelidik lain di UM.

## 9.0 PENERBITAN

- Penyelidik perlu menerbitkan hasil daripada penyelidikan yang dijalankan di dalam **Jurnal Terindeks Q1 atau Q2 ISI / WOS**.
- Semua penerbitan **MESTI** menyatakan penghargaan dengan jelas kepada Geran

Padanan UM dan menyatakan no. geran.

- Satu (1) penerbitan tambahan adalah diwajibkan untuk setiap RM25,000 yang diterima dari geran ini.
- Bagi jumlah peruntukan di bawah RM25,000, hasil jangkaan selain daripada penerbitan boleh dipertimbangkan (seperti: seorang pelajar Master bergraduasi, disertasi FYP, pembentangan poster dll)

## **10.0 PROSEDUR PERMOHONAN**

### **10.1 Dokumen yang diperlukan**

1. Borang permohonan
2. Surat tawaran geran swasta/industri/antarabangsa
3. Dokumen perjanjian untuk kerjasama (jika berkaitan)
4. Proposal penyelidikan yang lengkap yang diluluskan oleh dari pembiaya (yang mengandungi maklumat berikut:
  - a. Nama penuh penyelidik UM
  - b. Jumlah peruntukan yang dibiaya (termasuk maklumat peruntukan terperinci)
  - c. Tempoh penyelidikan
  - d. Hasil penyelidikan yang dijangkakan
5. Perincian peruntukan untuk kedua-dua geran utama dan Geran Padanan UM (seperti yang diperlukan dalam borang permohonan)

### **10.2 Penghantaran**

Permohonan Geran Padanan UM hendaklah dihantar kepada:

**Ketua**

**Pusat Pengurusan Geran Penyelidikan**

**Aras 4, Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi**

**Universiti Malaya**

**50603 Kuala Lumpur**